

22/02/2000

Festival Pelancongan Melaka dapat sambutan

KUALA LUMPUR, Isnin - Festival Pelancongan Melaka yang bermula 18 Februari lalu di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) berjaya menarik ribuan pengunjung yang ingin melihat pelbagai tarikan pelancong di negeri berkenaan.

Festival yang dianjurkan oleh kerajaan negeri itu bertujuan mempromosikan Melaka sebagai destinasi yang menawarkan lebih daripada tempat bersejarah.

Antara pameran yang mendapat perhatian ialah gerai Zoo Melaka dengan tarikan ular sawa betina yang dibawa khas dari zoo yang terletak di Air Keroh, kira-kira 13 kilometer dari Bandar Melaka.

Zoo kedua terbesar di Malaysia yang diuruskan oleh Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara itu meliputi kawasan seluas kira-kira 54 ekar dan menjadi habitat kepada kira-kira 1,200 haiwan daripada 200 spesies.

Selain memberi peluang kepada pengunjung mengenali dengan lebih dekat haiwan tempatan dan import serta haiwan terancam seperti badak Sumatera dan seladang, Zoo Melaka juga menekankan aspek pendidikan.

Zoo berkenaan turut menyediakan perkhidmatan tram untuk membawa pengunjung menjelajah kawasan zoo berkenaan. Di samping itu, terdapat pertunjukan haiwan dan kedai cenderamata yang menawarkan pelbagai barangan.

Festival yang akan berakhir esok dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)